

13 MAR 2002

Abdul Kadir-Majalah

KERAJAAN TERIMA PERMOHONAN MAAF MAJALAH TIME

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Kerajaan telah menerima permohonan maaf daripada majalah "Time" kerana dikatakan memburuk-burukkan imej Malaysia dalam edisinya 11 Feb lepas, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini.

Abdul Kadir berkata penerbit antarabangsa majalah itu yang beribu pejabat di London, Andrew Butcher telah mengirim surat bertarikh 28 Feb kepada beliau yang antara lain meminta maaf mengenai masalah yang mungkin telah timbul berhubung gambar kulit Time untuk edisi itu.

Ia antara lain menunjukkan gambar senjata automatik bersilang di atas bendera Malaysia.

Abdul Kadir berkata beliau telah membacakan kandungan surat itu pada mesyuarat Kabinet hari ini.

"Insiden ini sudah berakhir. Jemaah Menteri puas hati (dengan permohonan maaf). Jemaah Menteri telah beri kebenaran kepada saya supaya kita menerima permohonan maaf mereka," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata sebelum surat itu diterima, pengarang Time (Bahagian Asia) Karl Taro Greenfeld dan pengurus pemasaran (Asia) (tiada nama) telahpun menemui beliau di pejabatnya.

Abdul Kadir berkata beliau telah menerangkan antaranya mengenai usaha kerajaan membentuk satu Bangsa Malaysia serta sikap toleran antara kaum di negara ini.

"Saya berpendapat bahawa pada akhir perbincangan dia orang faham. Rupa-rupanya Malaysia bukan seperti apa yang digambarkan," katanya.

Abdul Kadir berkata kedua-dua pegawai ini juga turut menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, majalah berkenaan telah menawarkan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menulis sebuah artikel mengenai Malaysia dan berjanji untuk memberikan satu iklan percuma untuk mempromosikan Malaysia.

Abdul Kadir berkata dalam keluaran 11 Feb, majalah berkenaan turut menyiarkan satu iklan "Pelancongan Malaysia' di muka belakang dan iklan ini adalah sebagai bonus serta tidak dikenakan bayaran kerana kementerian mempunyai kontrak dengan Time bagi iklan mempromosikan Malaysia.

Pelancongan Malaysia mempunyai perjanjian dengan semua media massa yang diberi kontrak iklan bahawa mereka tidak harus menerbitkan iklan sekiranya keluaran terbabit menyiarkan apa-apa berita negatif mengenai Malaysia.

"Kita tak nak ambil tindakan (terhadap Time). Mereka berkata ia silap. Keputusan untuk menyiarkan gambar di kulit majalah itu dibuat pada saat akhir. Ia berupa satu kesilapan. Akibatnya, mereka terlupa mengenai iklan itu," kata Abdul Kadir.

-- BERNAMA

RV MAM FAZ